

MPSP

MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI
Buletin MPSP

Mei-Ogos 2015



Kemampuan Adalah Komitmen Kami

BIL. 02/2015

ISI KANDUNGAN

01	PROGRAM MPSP CAR FREE MORNING @ SEBERANG PERAI	09	MAJLIS PENYERAHAN SIJIL THE MALAYSIA BOOK OF RECORDS
02	MAJLIS PELANCARAN ANUGERAH KOMUNITI MAMPAH 2015	10	SAMBUTAN HARI MAJLIS KE-41 MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI
03	MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH PERTANDINGAN MELUKIS POSTER KEMPEN MAKAN SAMPAI HABIS SEKOLAH-SEKOLAH PERINGKAT SEBERANG PERAI	11	MAJLIS PEMBERIAN INSENTIF PROGRAM ORGANIK CCAC DAN PERASMIAН PUSAT PENGUMPULAN KITAR SEMULA PARK VIEW
04	PROGRAM DIALOG BAJET 2016	12	MAJLIS PERASMIAН BUTTERWORTH FRINGE FESTIVAL 2015
05	MAJLIS ANGKAT SUMPAH DAN PENERIMAAN JAWATAN AHLI MAJLIS BARU MPSP 2015	13	LARIAN MENARA MPSP 2015
06	MAJLIS PENYERAHAN TONG KITAR SEMULA KEPADA SEKOLAH TADIKA	14	LAWATAN DARI CUEPAC DAN JAPAN INTERNATIONAL COOPERATION AGENCY (JICA)
07	PERHIMPUNAN KORPORAT	15	MESYUARAT AGUNG TAHUNAN PESUKA
08	MAJLIS PELANCARAN PROJEK PENGINDAHAN JALAN SONG BAN KHENG	16	LAWATAN DARI MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA (MBPJ)
		17	SAMBUTAN HARI KEMERDEKAAN KE-58



SIDANG REDAKSI

PENAUNG

YBHGS. DATO' MAIMUNAH MOHD. SHARIF
(YANG DIPERTUA)

PENASIHAT

TUAN SR HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD
(SETIAUSAHA PERBANDARAN)

KETUA EDITOR

ENCIK WAN JUNAIDY BIN YAHAYA

EDITOR

PUAN SALEHMAH BINTI AYOB
JAWATANKUASA BULETIN

JURUGAMBAR

ENCIK SHEIKH ZAKARIA BIN
SHAIK AHMAD

ENCIK MOHD. FAIZ BIN ABDUL
HALIM

PROGRAM MPSP CAR FREE MORNING @ SEBERANG PERAI

Program MPSP Car Free Morning @ Seberang Perai yang pertama telah diadakan di Jalan Todak 2 dan 3, Seberang Jaya pada 3 Mei 2015. Program ini telah dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Tuan Lim Guan Eng, Ketua Menteri Pulau Pinang dan turut dihadiri oleh Ahli-Ahli EXCO, ADUN-ADUN, Ahli-Ahli Parlimen, Ahli Majlis-Ahli Majlis, Tuan Sr Hj Rozali bin Hj Mohamud, Setiausaha Perbandaran, Majlis Perbandaran Seberang Perai, Encik Tan Hung Beng, Senior General Manager Sunway, ketua-ketua jabatan dan pegawai serta para wartawan.

Program MPSP Car Free Morning @ Seberang Perai ini memberi peluang kepada penduduk Seberang Perai untuk menyertai aktiviti riadah seperti senamrobik dan berbasikal di kawasan ini pada setiap pagi Ahad minggu pertama.

Kempen ini dilihat dapat mengurangkan pencemaran udara dan meningkatkan kesedaran mencintai alam sekitar serta menggalakkan masyarakat mengamalkan gaya hidup sihat. Pelbagai aktiviti lain juga terdapat di sini seperti pameran pendidikan mesra alam, gerai-gerai jualan dan permainan tradisional.

MPSP juga mengambil usaha menyediakan laluan basikal bagi menggalakkan aktiviti berbasikal untuk membantu mengurangkan kebergantungan kepada kenderaan bermotor dan mempromosikan gaya hidup yang sihat di kalangan penduduk. Pelaksanaan laluan ini adalah berkonseptkan "road sharing". Penunggang basikal harus bersikap cermat dalam mematuhi undang-undang jalan raya serta memastikan keselamatan sentiasa dijaga.



MAJLIS PELANCARAN ANUGERAH KOMUNITI MAMPAN 2015



Majlis Pelancaran Anugerah Komuniti Mampan 2015 berlangsung pada 9 Mei 2015 di Auditorium MPSP. Majlis ini dirasmikan oleh Yang Berhormat Tuan Phee Boon Poh, Pengurusi Jawatankuasa Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar dan turut dihadiri oleh Ahli Majlis-Ahli Majlis MPSP, Tuan Sr Haji Rozali bin Haji Mohamud, Setiausaha Perbandaran, Majlis Perbandaran Seberang Perai, Encik Choo Eng Hin, Pengarah Urusan, Delta Business Solutions Sdn Bhd Ketua-ketua jabatan serta rakan media.

Anugerah ini ditaja oleh Delta Business Solutions Sdn Bhd dengan memperuntukan hadiah tunai sebanyak RM13,700.00. Pada tahun 2015, MPSP mensasarkan tidak kurang dari 20 pertubuhan menyertai pertandingan ini.

Tujuan Anugerah ini adalah untuk memberikan pengiktirafan kepada inisiatif-inisiatif hijau dan penambahbaikan yang dijalankan oleh komuniti dalam menjaga kualiti alam sekitar dan kemampunan komuniti seperti yang termaktub di dalam Pelan Tindakan Local Action 21 Seberang Perai. Prinsip LA 21 digalakkan bagi melahirkan sebuah masyarakat dan komuniti setempat yang sihat dan peka terhadap isu-isu alam sekitar untuk diseimbangkan dengan perkembangan ekonomi dan pembangunan sosial.

Penyertaan Anugerah Komuniti Mampan ini adalah terbuka kepada semua Persatuan Penduduk yang berdaftar, Rukuntetangga (KRT), Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Komuniti (JKKK), Joint Management Body (JMB), Management Corporation (MC) dan Pusat Sumber Alam Sekitar. MPSP sedia memberi khidmat nasihat bagi mencapai hasrat komuniti mampan seperti yang terkandung dalam buku panduan Anugerah Komuniti Mampan.



(MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH PERTANDINGAN MELUKIS POSTER KEMPEN MAKAN SAMPAI HABIS SEKOLAH-SEKOLAH PERINGKAT SEBERANG PERAI)


Majlis Penyampaian Hadiah Pertandingan Melukis Poster Kempen Makan Sampai Habis Sekolah-Sekolah Peringkat Seberang Perai telah diadakan pada 7 Jun 2015 bersempena dengan Program MPSP Car Free Morning @ Seberang Perai. Majlis ini dihadiri oleh Yang Berhormat Tuan Ong Chin Wen, ADUN Bukit Tengah, Ahli Majlis - Ahli Majlis MPSP, Tuan Sr Hj Rozali bin Hj Mohamud, Setiausaha Perbandaran, Majlis Perbandaran Seberang Perai, Ketua-ketua jabatan dan pegawai, guru-guru dan pelajar-pelajar serta rakan-rakan media.

Bagi meningkatkan kesedaran terhadap kepentingan mengurangkan pembaziran makanan, pelbagai kempen telah diadakan seperti pertandingan melukis poster sekolah-sekolah, bunting dengan mesej kesedaran, pelapik pinggan dan apron serta road show.



Pertandingan melukis poster ini telah bermula dari bulan November 2014 dan tarikh tutup pertandingan adalah pada 27 Mac 2015. Pertandingan melukis poster adalah terbuka kepada semua sekolah rendah dan menengah di Negeri Pulau Pinang. Bagi pertandingan melukis poster peringkat Seberang Perai, MPSP telah terima sebanyak 90 poster bagi kategori sekolah rendah dan 38 poster bagi kategori sekolah menengah.

Dalam ucapannya, Setiausaha Perbandaran mengucapkan jutaan terima kasih kepada agensi-agensi yang terlibat sebagai penaja dalam Kempen Makan Sampai Habis iaitu Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), Red One, My Kuali, WINX Dance & Music Studio, Foodpanda, Ang Chu dan My Pop Corn.



PROGRAM DIALOG BAJET 2016



MPSP mengadakan Program Dialog Bajet MPSP 2016 di The Light Hotel, Seberang Jaya pada 13 Jun 2015. Program ini dihadiri oleh Yang Berhormat Tuan Chow Kon Yeow, Pengurus Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalu Lintas dan Tebatan Banjir, Tuan Sr Hj Rozali bin Hj Mohamud, Setiausaha Perbandaran, Majlis Perbandaran Seberang Perai, Ketua-ketua jabatan dan pegawai, rakan-rakan media serta wakil-wakil Agensi Kerajaan dan Swasta, NGO, PWDC, JKKA, KRT, Bridged Wanita.

Tujuan program ini adalah untuk melibatkan wakil komuniti serta penduduk Seberang Perai dalam merangka bajet 2016 dengan memberi input, pandangan dan cadangan bagi menambahbaik perkhidmatan MPSP. Dialog Bajet 2016 merupakan platform untuk berinteraksi secara langsung dengan penduduk. Antaranya menerusi dialog ini, MPSP akan mendapat pandangan sekaligus dapat menjalinkan kerjasama dengan penduduk setempat dalam menangani isu-isu perbandaran dengan lebih berkesan.

Pada 29 April hingga 31 Mei 2015 yang lalu, MPSP telah menjalankan Soal Selidik Bajet Tahun 2016 yang berlandaskan *Gender Responsive Participatory Budgeting (GRPB)*. Soal selidik bajet ini bertujuan untuk mendapatkan input dan pandangan daripada masyarakat terhadap perkhidmatan MPSP.



MAJLIS ANGKAT SUMPAH DAN PENERIMAAN JAWATAN AHLI MAJLIS BARU MPSP 2015

Majlis Angkat Sumpah dan Penerimaan Jawatan Ahli Majlis 2015 diadakan di Dewan Kenanga, MPSP pada 18 Jun 2015. Majlis ini dihadiri oleh Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Rashid bin Hasnon, Timbalan Ketua Menteri 1, Yang Berhormat Tuan Prof Dr Ramasamy a/l Palanisamy, Timbalan Ketua Menteri 2, Yang Berhormat Tuan Chow Kon Yeow, Ahli-Ahli EXCO, ADUN-ADUN, Tuan Sr Haji Rozali bin Haji Mohamud, Setiausaha Perbandaran, Majlis Perbandaran Seberang Perai, Ketua-ketua jabatan serta para wakil media.



MAJLIS PENYERAHAN TONG KITAR SEMULA KEPADA SEKOLAH TADIKA



MPSP telah mengadakan Majlis Penyerahan Tong Kitar Semula kepada Sekolah Tadika pada 23 Jun 2015. Majlis ini dihadiri oleh Ahli Majlis- Ahli Majlis MPSP, Tuan Sr Hj Rozali bin Hj Mohamud, Setiausaha Perbandaran MPSP, Encik Ooi Chao Syhuan, District Governor 2014-2015, Lions Club International, Ketua-Ketua Jabatan, guru-guru serta para wakil media.

Tahun ini merupakan tahun kedua MPSP menganjurkan Anugerah Kitar Semula Sekolah Tadika dan tahun ini merupakan tahun kedua Kelab Lion International bekerjasama dengan MPSP dalam Anugerah Kitar Semula Sekolah Tadika.

Pada tahun 2015, sebanyak 60 buah sekolah tadika telah mendaftar untuk mengambil bahagian dalam program kitar semula. Terdapat peningkatan penyertaan sebanyak 30%. Gabungan Kelab Lion Pulau Pinang telah mengambil inisiatif untuk meningkatkan kutipan barang kitar semula dengan memberi tong untuk mengisi bahan plastik. Pemberian tong kitar semula pada hari ini adalah untuk sekolah-sekolah tadika yang menyertai program ini pada tahun 2014.

Dalam bulan Mei 2015, MPSP telah berjaya mencapai kadar kitar semula sebanyak 38.11%. MPSP akan terus memberi latihan kepada guru tadika dan murid tadika dalam program kitar semula dan kempen makan sampai habis.



PERHIMPUNAN KORPORAT

Perhimpunan Korporat telah dilangsungkan pada 13 Julai 2015. Perhimpunan ini dihadiri oleh Ahli Majlis-Ahli Majlis, Tuan Sr Hj Rozali bin Hj Mohamud, Setiausaha Perbandaran MPSP, Ketua-ketua jabatan dan semua warga MPSP serta rakan media.

Perhimpunan korporat tersebut merupakan perhimpunan korporat yang kedua dalam tahun 2015. Dato' Maimunah Mohd Sharif, Yang Dipertua MPSP, berharap bahawa kakitangan bukan hanya sekadar membaca ikrar tetapi melaksanakan apa yang telah lafazkan. Kakitangan majlis perlu mengetahui bidang tugas masing-masing dalam jabatan dan bidang kuasa masing-masing. Penyelenggaraan untuk Jalan Negeri dan taman perumahan adalah dibawah bidang tugas MPSP.

Kawasan ibu pejabat MPSP adalah kawasan larangan merokok. Kakitangan adalah dilarang untuk merokok di Bangunan Ibu Pejabat MPSP dan di pejabat-pejabat cawangan. Kakitangan juga dilarang untuk meletak kenderaan di tempat letak kereta orang awam.



Dalam ucapannya, Dato' Yang Dipertua memaklumkan bahawa MPSP telah berjaya menandatangani perjanjian *Environmental Policy and Technology Exchanges* dengan Seoul Metropolitan Government. Perjanjian ini mengkhusus kepada membangunkan dasar alam sekitar dan mengukuhkan kerjasama di antara kedua-dua belah pihak. Satu latihan atau bengkel akan dimulakan pada tahun 2016 yang akan dihadiri oleh pegawai MPSP ke Korea Selatan.



MPSP telah memohon peruntukan kewangan daripada *Japan International Cooperation Agency (JICA)* untuk menjalinkan hubungan kerjasama di dalam urban design di antara MPSP, pelajar-pelajar *Architecture USM*, *City of Yokohama* dan *Yokohama City University* bagi membangunkan kawasan *Bukit Mertajam* dari Disember 2015 hingga Disember 2018.



MAJLIS PELANCARAN PROJEK PENGINDAHAN JALAN SONG BAN KHENG

Majlis Pelancaran Projek Pengindahan Jalan Song Ban Kheng telah diadakan di persimpangan Taman Sri Rambai pada 31 Julai 2015. Majlis ini dihadiri oleh Yang Berhormat Tuan Sim Chee Keong, Ahli Parlimen Bukit Mertajam, Yang Berhormat Puan Chong Eng, Pengurus Jawatankuasa Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti, ADUN Padang Lalang, Ahli Majlis-Ahli Majlis MPSP, Tuan Sr Hj Rozali bin Hj Mohamud, Setiausaha Perbandaran MPSP, Ketua-ketua Jabatan dan pegawai MPSP serta para wartawan.

Projek Pengindahan ini adalah program penanaman pokok di bahu Jalan Song Ban Kheng. Jenis pokok ini adalah dari spesis *Enterolobium Saman* (Hujan-Hujan) atau juga dikenali sebagai pokok Pukul Lima. Sebanyak 11 batang pokok Hujan-hujan akan ditanam dalam fasa pertama. MPSP akan terus melaksanakan kerja-kerja penanaman tambahan pokok teduhan ini di sepanjang Jalan Song Ban Kheng pada masa akan datang.



Terdahulu kawasan ini mempunyai banyak pokok Hujan-hujan, namun untuk memberi laluan kepada pembinaan infrastruktur serta kemudahan jaringan jalanraya, pokok-pokok jenis ini terpaksa ditebang. Walaubagaimanapun, melalui kerjasama MPSP dengan Y.B. Tuan Sim Chee Keong Ahli Parlimen Bukit Mertajam, MPSP menanam semula pokok dengan spesis yang sama seperti dahulu. Program penanaman ini bertujuan bagi memelihara dan memulihkan semula persekitaran hijau di sepanjang jalan ini selaras dengan kempen Kerajaan Negeri dalam mewujudkan Seberang Perai yang Lebih Bersih, Lebih Hijau, Lebih Selamat dan Lebih Sihat.





MAJLIS PENYERAHAN SIJIL THE MALAYSIA BOOK OF RECORDS



Majlis Penyerahan Sijil The Malaysia Book of Records (MBR) telah diadakan di The Grand Ballroom, Tingkat 1, Hotel Ixora, Jalan Baru, Perai pada 3 Ogos 2015. Majlis ini dihadiri oleh Yang Amat Berhormat Tuan Lim Guan Eng, Ketua Menteri Pulau Pinang, Ahli Majlis-Ahli Majlis MPSP, Tuan Sr Hj Rozali Bin Mohamud, Setiausaha Perbandaran MPSP, Encik Ir Kasim Ahmad, Pegawai SIRIM QAS International Sdn Bhd, Encik Khairul Faris, Pegawai NIOSH Certification Sdn Bhd dan Puan Hajah Sarimah Misman Pengarah MPC Wilayah Utara, Ketua-ketua Jabatan dan pegawai MPSP serta rakan-rakan media.

Pada 16 Februari 2015, MPSP telah memohon kepada MBR secara rasmi untuk disenaraikan dalam MBR. Pada 13 April 2015, MPSP telah menerima surat pengesahan disenaraikan dalam *The Malaysia Book Of Records* sebagai Pihak Berkusa Tempatan (PBT) pertama yang telah berjaya mendapat lima persijilan Sistem Pengurusan Berteraskan Kualiti. Lima persijilan yang dianugerah adalah berikut:

1. Sistem Pengurusan Kualiti (QMS 9001:2008)
2. Sistem Pengurusan Alam Sekitar (EMS 14001:2004)
3. Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSHMS 18001:2007)
4. Sistem Pengurusan Tenaga (EnMS 50001:2011)
5. Sistem Pengurusan Persekutaran Berkualiti 5S (QEMS/5S)

Semua sistem pengurusan yang dilaksanakan oleh MPSP mempunyai perkaitan rapat dalam mewujudkan pengurusan dan pentadbiran mampan yang bergerak menjadikan Seberang Perai sebagai "World Class City" serta menjadikan Seberang Perai sebagai tempat yang menjadi pilihan ramai untuk tinggal dan pilihan ahli perniagaan untuk pelaburan.





SAMBUTAN HARI MAJLIS KE-41 MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

Sambutan Perayaan Hari Majlis ke-41 telah diadakan pada 8 Ogos 2015. Program yang disambut pada setiap tahun ini merupakan acara tahunan Majlis sempena ulang tahun penubuhan Majlis Perbandaran Seberang Perai. Program ini dihadiri oleh Yang Amat Berhormat Tuan Lim Guan Eng Ketua Menteri Pulau Pinang, Yang Berhormat Tuan Prof. Dr Ramasamy A/L Palanisamy Timbalan Ketua Menteri 2, Yang Berhormat Dato' Seri Hj Farizan bin Darus Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Ahli-ahli EXCO Kerajaan Negeri Pulau Pinang, ADUN, Ahli-Ahli Parlimen, Ahli Majlis – Ahli Majlis MPSP, Setiausaha Perbandaran MPSP, Kakitangan MPSP serta rakan-rakan media.

Dalam majlis tersebut, MPSP melancarkan Video Korporat MPSP, Sistem Kawalan & Penggredan Pemandu (SIKAP) dan Risalah Perkhidmatan MPSP. Y.A.B Ketua Menteri telah merasmikan Galeri MPSP yang akan dibuka kepada orang awam. Beliau juga turut menyampaikan Anugerah Pekerja Contoh kepada kakitangan Majlis yang telah memberikan perkhidmatan yang cemerlang. Seramai 51 orang kakitangan telah dipilih untuk diberi penganugerahan Pekerja Contoh pada tahun ini.

Bersempena dengan sambutan Hari Majlis pada tahun ini, Majlis juga mengadakan Jamuan Hari Raya Aidilfitri kepada semua warga Seberang Perai. Jamuan Hari Raya Aidilfitri ini mampu mengeratkan perhubungan antara Majlis dan stakeholders serta mencetuskan semangat kekeluargaan sesama kakitangan MPSP. Suasana harmoni yang wujud ini akan memudahkan kakitangan MPSP bekerjasama dalam tugas sehari-hari mereka.





MAJLIS PEMBERIAN INSENTIF PROGRAM ORGANIK CCAC DAN PERASMIAN PUSAT PENGUMPULAN KITAR SEMULA PARK VIEW

Majlis Pemberian Insentif Program Organik CCAC Dan Perasmian Pusat Pengumpulan Kitar Semula Park View telah diadakan di Park View, Butterworth pada 9 Ogos 2015. Majlis ini dihadiri oleh Yang Berhormat Tuan Chow Kon Yeow, Pengurus Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan banjir, Ahli Majlis-Ahli Majlis MPSP, Tuan Sr Hj Rozali bin Hj Mohamud, Setiausaha Perbandaran MPSP, penduduk Park View, wakil dari Taman Pandan dan Pangsa Tanjung Indah.

MPSP amat berbangga kerana dipilih oleh *Climate and Clean Coalition/UNEP* bagi program pengurangan *Short Live Air Pollutants* (Pengurangan Karbon Dioksida, Metana dan Karon Hitam). CCAC/UNEP telah memilih

Perbadanan Pengurusan Park View, Taman Pandan dan Pangsa Tanjung Indah bagi melaksanakan kajian pengurusan sisa organik dapur kerana ketiga-tiga perbadanan pengurusan menunjukkan komitmen yang sangat tinggi dalam program penjagaan alam sekitar.

Pusat Kitar Semula di Park View yang dirasmikan dapat membantu mengurangkan sampah dan mengurangkan pelepasan gas rumah hijau (*greenhouse gases*). Pengeluaran gas rumah hijau boleh dikurangkan melalui program 4R iaitu *Rethink, Reduce, Reuse, and Recycle*. Pusat Kitar Semula di Park View dapat menyenangkan penduduk untuk mengumpul barang-barang kitar semula.





MAJLIS PERASMIAN BUTTERWORTH FRINGE FESTIVAL 2015

Majlis Perasmian Butterworth Fringe Festival 2015 telah diadakan di Jalan Jeti Lama, Butterworth pada 15 Ogos 2015. Majlis ini dihadiri oleh Yang Amat Berhormat Tuan Lim Guan Eng, Ketua Menteri Pulau Pinang, Yang Berhormat Tuan Prof. Dr Ramasamy A/L Palanisamy Timbalan Ketua Menteri 2, Ahli-ahli EXCO, ADUN & Ahli Parlimen, Encik Joe Sidek, Director George Town Festival, Encik Hamdan Abdul Majeed, Executive Director Merangkap Board of Director Think City Sdn. Bhd, Ahli Majlis-Ahli Majlis MPSP, Tuan Sr Hj Rozali bin Hj Mohamud, Setiausaha Perbandaran MPSP dan Para Penaja Butterworth Fringe Festival 2015.

Penganjuran BFF ini adalah kolaborasi antara MPSP dengan sokongan penuh Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Think City Sdn.Bhd dan George Town Festival (GTF). Program ini merupakan program pengisian selaras dengan pelaksanaan Pelan Butterworth Baru iaitu yang wujud sebagai *catalyst* dalam merancakkan ekonomi penduduk setempat khasnya dan juga sebagai satu festival yang bertujuan untuk memperkenalkan nilai-nilai budaya tempatan dan antarabangsa.



Pelbagai acara tempatan dan antarabangsa yang akan dipersembahkan adalah seperti Victoria & Armenian Street Project, The French Flavour, Voluminosity, Cette Immense, Snuff Puppets dan pelbagai lagi cara yang akan menjadi pengisian sepanjang program ini yang bermula pada 15 Ogos 2015 hingga 16 Ogos 2015.

Antara penaja yang telah menaja program ini adalah Bellevue Development, PJD Eastern Land Sdn.Bhd, EcoWorld, IJM Land, Palmington Sdn.Bhd anak Syarikat Tambun Indah, Tah wah Group, The Light Hotel, Sunway Hotel, IXORA Hotel, Penang Port Sdn. Bhd, Rapid Penang, Polis DiRaja Malaysia (PDRM), St.Johns Ambulance, Penang Grand Sentral dan RELA. RTM Negeri Kedah dan Pi Mai FM juga membuat hebatan dan mempromosikan BFF di kawasan liputan sekitar frekuensi.





LARIAN MENARA MPSP 2015

Seramai 653 orang telah menyertai Larian Menara MPSP 2015 atau *MPSP TOWER RUN* 2015 yang telah dilangsungkan pada 16 Ogos 2015 di perkarangan lobi Majlis Perbandaran Seberang Perai. Program ini telah memasuki tahun ke-3 penganjurannya. Jarak larian ini adalah 7km dan disempurnakan dengan menaiki tangga sebanyak 412 anak tangga sebelum menamatkan larian. Pelbagai kategori seperti Men's Open, Women's Open, Boys' Junior, Girls' Junior, Men's Veteran dan Women's Veteran telah dipertandingkan yang melibatkan pelari dari pelbagai peringkat umur.



Penganjuran larian menara ini juga mampu meningkatkan taraf kesihatan rakyat dan seterusnya meningkatkan produktiviti serta kualiti kehidupan mereka. "Outcome" program ini adalah dapat menikmati kehidupan yang lebih selesa dan sihat.

Selaras dengan seruan Kerajaan Negeri untuk membentuk Negeri Pulau Pinang yang lebih bersih, lebih hijau, lebih selamat dan lebih sihat, penganjuran *MPSP TOWER RUN* ini dapat melahirkan masyarakat yang sihat dan sentiasa mengamalkan gaya hidup sihat.




LAWATAN DARI CUEPAC DAN JAPAN INTERNATIONAL COOPERATION AGENCY (JICA)



MESYUARAT AGUNG TAHUNAN PESUKA
 Kebajikan, Sukan dan Sosial (PESUKA) telah diadakan pada 21 Ogos 2015 di Safira Country Club Penang. Majlis telah dirasmikan oleh Dato' Maimunah Mohd Sharif, Yang Dipertua MPSP. Hampir 1500 ahli telah menyertai mesyuarat agung pada tahun ini.


Antara aktiviti pada Mesyuarat Agung Tahunan PESUKA adalah pemilihan Ahli Jawatankuasa yang baru, pemberian sumbangan kepada pelajar-pelajar cemerlang dan cabutan bertuah kepada ahli-ahli PESUKA.



MESYUARAT AGUNG TAHUNAN PESUKA



LAWATAN DARI MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA (MBPJ)



SAMBUTAN HARI KEMERDEKAAN KE-58

Sambutan Hari Kemerdekaan Ke-58 Peringkat Negeri Pulau Pinang telah diadakan pada 31 Ogos 2015 bertempat di Jalan Perda Utama, Perda, Bukit Mertajam berhadapan Bangunan Majlis Perbandaran Seberang Perai.

Sambutan Hari Kemerdekaan Ke-58 ini telah dihadiri oleh Tun Dato' Seri Utama Dr Haji Abdul Rahman Bin Haji Abbas, Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang, Yang Amat Berhormat Tuan Lim Guan Eng Ketua Menteri Pulau Pinang dan tetamu-tetamu kehormat yang lain.

Seramai 180 anggota Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan sepasukan Polis Diraja Malaysia (PDRM) merupakan antara 85 kontinjen yang menyertai acara perbarisan sambutan Hari Kemerdekaan Ke-58 Peringkat Negeri Pulau Pinang bertemakan "Sehati Sejiwa" pada pagi 31 Ogos lepas. Perbarisan sambutan Hari Kebangsaan Ke- 58 Peringkat Negeri Pulau Pinang adalah melibatkan 5,106 peserta, dengan 4,235 orang menyertai acara berkaitan. Seramai 2,090 peserta adalah daripada orang awam, 90 peserta dalam lapan pasukan pancaragam, 540 peserta daripada kontinjen kokurikulum sekolah. Termasuk 1,259 penyertaan dari pertubuhan bukan kerajaan (NGO), agensi swasta serta universiti awam, selain 156 lain yang menyertai 11 kontinjen perarakian kenderaan.

Majlis Perbandaran Seberang Perai turut juga menyertai Perbarisan Sambutan Kemerdekaan. Kontinjen MPSP telah disertai oleh 35 ahli daripada Jabatan Direktorat Penguatkuasaan. Perarakian kenderaan juga disertai oleh MPSP dengan 18 buah jentera menyertai perarakian.





MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

Jalan Perda Utama, Bandar Perda, 14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang.

Tel: 04-5497555 Faks: 04-5389700 Website: www.mpsb.gov.my Email: webmaster@mpsp.gov.my